



HOSPITAL MELAKA
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat- syarikat di Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebutbarga berikut:-

Butiran-Butiran Tawaran	No. Sebutbarga	Kod Bidang	Tarikh Iklan	Tarikh Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMULIHAN RAILING WAD A2 DAN WAD AG, DI HOSPITAL MELAKA	SH/HM/PEMB/04/2026	Kontraktor tempatan (Daerah Melaka Tengah) berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan di bawah Gred G1 bertaraf Bumiputera; Gred G1 – Kategori B (Pembinaan Bangunan) – B04 (Kerja Bangunan) dan B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan; Sijil SPKK Gred G1 , Kategori B (Pembinaan Bangunan); dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) oleh LHDN.	3 April 2026 (Jumaat)	9 April 2026, (Khamis) <u>Masa Pendaftaran</u> 9.00 pagi hingga 9.30 pagi.	16 April 2026 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

2. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA

Sebutbarga ini ditutup pada hari **Khamis,16 April 2026, jam 12.00 tengahari**. Dokumen sebutbarga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebutbarga yang berkenaan di Unit Kewangan & Perolehan, Hospital Melaka, Tingkat 1, Kompleks Ilmu, Jalan Mufti Hj. Khalil, 75400 Melaka**. Tawaran yang lewat diterima **tidak akan dipertimbangkan**.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

3.1 Dokumen sebutbarga boleh diperolehi pada hari taklimat dan lawatan tapak iaitu pada **Khamis, 09 April 2026**, di **Bilik Mesyuarat Kristal, Aras 1, Blok Pentadbiran, Hospital Melaka**. Penyebutharga atau wakilnya yang sah sahaja boleh mendapatkan dokumen sebutbarga dan seterusnya menghadiri taklimat serta lawatan tapak sebutbarga tersebut. Setiap penyebutharga atau wakil dihadkan untuk mengambil satu (1) dokumen sebutbarga dan tidak dibenarkan mewakili syarikat-syarikat lain.

3.2 Syarikat yang ingin mengambil dokumen sebutbarga tersebut **DIWAJIBKAN** membawa **Salinan Pendaftaran SPKK, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** serta **Sijil bertaraf Bumiputera dan Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) oleh LHDN** yang masih sah laku untuk pengesahan pendaftaran semasa pengambilan dokumen sebutbarga. Sila bawa bersama **COP SYARIKAT** semasa pendaftaran lawatan tapak.

3.3 **Lawatan tapak** adalah **diwajibkan**. Maklumat **lawatan tapak** adalah seperti ketetapan berikut :

TARIKH LAWATAN TAPAK : **09 APRIL 2026 (KHAMIS)**
TEMPAT BERKUMPUL : **BILIK MESYUARAT KRISTAL ARAS 1, BLOK PENTADBIRAN, HOSPITAL MELAKA**
MASA PENDAFTARAN : **9.00 PAGI HINGGA 9.30 PAGI**
MASA LAWATAN TAPAK : **9.30 PAGI**

**Pengarah,
Hospital Melaka**

Sila Layari Portal Hospital Melaka : <http://hmelaka.moh.gov.my>.

Atau pegawai yang boleh dihubungi : Pn. Nurhidayah binti Wahid (No. Tel:06-2892006)